



اونيفرسيتي كوليج تاتي

UNIVERSITY COLLEGE TATI (UC TATI) (280759-M)

(FORMERLY KNOWN AS TATI UNIVERSITY COLLEGE)

Kampus UC TATI, Teluk Kalong, 24000 Kemaman, Terengganu Darul Iman, Malaysia.

Tel : 609-860 1000 Fax : 609-863 5863

Wholly-owned by Terengganu State Government

Ruj. Kami : UC TATI.TR.850/25/Bhg.2 (45)
Tarikh : 6 Julai 2020
Bersamaan : 14 Zulkaedah 1441H

Profesor Madya Dr. Nordin bin Mamat
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Fakulti Pendidikan & Pembangunan Sumber Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak

Tuan,

**PELANTIKAN SEBAGAI PENASIHAT LUAR AKADEMIK BAGI PROGRAM BAHARU
DIPLOMA IN ISLAMIC EARLY CHILDHOOD EDUCATION, UNIVERSITY COLLEGE
TATI (UC TATI)**

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak pengurusan University College TATI telah bersetuju melantik tuan sebagai Penasihat Luar Akademik bagi Program Diploma In Islamic Early Childhood Education, UC TATI.

3. Dilampirkan juga polisi lantikan sebagai rujukan dan panduan. Pelantikan tersebut adalah bagi tempoh dua (2) tahun, bermula pada 15 Julai 2020. Tuan juga dimohon memberi maklum balas segera dengan menghantar borang persetujuan lantikan (Lampiran 2) kepada Pn. Nik Aini Binti Nik Ahmed Shukri di alamat emel nikaini@tatiuc.edu.my.

4. Kepakaran dan pengalaman tuan diharap dapat membantu UC TATI melestarikan program pengajian berkenaan ke arah pembangunan program yang lebih luas.

Sekian, terima kasih

"MEMACU TEKNOLOGI TERKINI DEMI KEHIDUPAN LESTARI"

"TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI MOHD SHAFARUDDIN BIN MUSTAFFA)

Pendaftar

s.k
Rektor
Timb. Rektor (Akademik & Pengantarabangsaan)
Dekan Fakulti Komputer, Media & Pengurusan Teknologi
Pengurus Jabatan Kewangan
Pengurus Jabatan Sumber Manusia
Pengurus Jabatan Pengurusan Akademik & Kualiti

Untuk makluman Y.Bhg.Dr./Tuan/Puan

"BUDAYA KERJA CEMERLANG AMALAN KAMI"



ELAUN DAN KEMUDAHAN TENAGA AKADEMIK LUAR

	Gred	Pemeriksa Luar/ Penilai Luar	Penasihat Luar	Lembaga Penasihat
Bayaran Kategori 1: <i>Kadar Bayaran Profesional Pensyarah/Penceramah Kakitangan Kerajaan Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 2005</i>	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM300.00 sejam	RM300.00 sejam	Elaun Mesyuarat RM300 per mesyuarat untuk ahli luar universiti.
	Kumpulan Pengurusan & Professional Gred 53 & 54	RM200.00 sejam	RM200.00 sejam	Elaun perjalanan mengikut kelayakan.
	Kumpulan Pengurusan & Professional Gred 45 – 52	RM150.00 sejam	RM150.00 sejam	Elaun penginapan untuk ahli luar mengikut kelayakan.
	Kumpulan Pengurusan & Professional Gred 41 – 44	RM120.00 sejam	RM120.00 sejam	
	Kumpulan Sokongan	RM80.00 sejam	RM80.00 sejam	
	(Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2005) Elaun perjalanan dan elaun penginapan mengikut kelayakan.			
Bayaran Kategori 2: <i>Kadar Bayaran Profesional Pensyarah/Penceramah Kakitangan Kerajaan Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil 19 Tahun 2005</i>	Phd	RM400.00 sejam	RM400.00 sejam	Elaun Mesyuarat RM300 per mesyuarat untuk ahli luar universiti.
	Sarjana	RM300.00 sejam	RM300.00 sejam	
	Sarjana Muda	RM200.00 sejam	RM200.00 sejam	Elaun perjalanan mengikut kelayakan.
	Diploma/ Sijil	RM100.00 sejam	RM100.00 sejam	
	(Pekeliling Perbendaharaan Bil. 19 Tahun 2005) Elaun perjalanan dan elaun penginapan mengikut kelayakan.			Elaun penginapan untuk ahli luar mengikut kelayakan.

*Garis Panduan ini tertakluk kepada kajian semula 2 tahun sekali atau pada bila bila masa seperti arahan SENAT UC TATI.

Rektor,
University College TATI (TATIUC)
Jalan Panchur, Telok Kalong
24000 Kemaman
Terengganu Darul Iman

Tarikh: 15 Julai 2020

Tuan,

PELANTIKAN PENASIHAT LUAR AKADEMIK BAGI PROGRAM DIPLOMA IN ISLAMIC EARLY CHILDHOOD EDUCATION, UC TATI

Saya dengan ini ~~menerima~~ ~~menerima~~ tawaran pelantikan sebagai Penasihat Luar bagi Program Diploma In Islamic Early Childhood Education, UC TATI seperti surat tawaran bertarikh 6 Julai 2020.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Tandatangan

Nama

Jawatan

No. Kad Pengenalan


: NORDIN BIN MAMAT
: PROF. MADA
: 690504-03-5073

s.k : Timbalan Rektor (Akademik & Pengantarabangsaan)
Pendaftar
Dekan Fakulti Komputer, Media & Pengurusan Teknologi

POLISI LANTIKAN TENAGA AKADEMIK LUAR

1.1 SKOP TUGAS PENASIHAT

- a) Memberikan input dan pandangan terhadap kesesuaian reka bentuk program untuk penambahbaikan sebelum persetujuan di peringkat fakulti;
- b) Memberi nasihat dan membuat syor dari segi pembentukan kurikulum dan silibus dalam bidang pengajian berkenaan di peringkat awal pembangunan program dan semakan program;
- c) Membantu fakulti mendapatkan pengiktirafan daripada badan professional untuk program baharu atau program yang belum mendapat pengiktirafan;
- d) Menyediakan laporan yang dihantar kepada Ketua Program.

1.2 SKIM LANTIKAN PENASIHAT

PELANTIKAN

- a) Penasihat Luar dilantik di peringkat awal pembangunan program dan semakan semula program.
- b) Pelantikan Skim Lantikan Penasihat Luar hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Senat setelah mendapat perakuan daripada Dekan Fakulti.
- c) Penasihat Luar hendaklah mempunyai tugas serta tanggungjawab seperti berikut:
 - i. Memberi input dan pandangan terhadap kesesuaian reka bentuk program untuk penambahbaikan sebelum persetujuan di peringkat fakulti;
 - ii. Memberi nasihat dan membuat syor dari segi pembentukan kurikulum dan silibus dalam bidang-bidang pengajian tertentu di peringkat awal pembangunan program dan semakan semula program;
 - iii. Membantu fakulti untuk mendapatkan pengiktirafan daripada badan profesional untuk program baru atau program yang belum mendapat pengiktirafan;
 - iv. Menyediakan laporan kepada Pengerusi Program serta Dekan dan membuat pembentangan kepada Pengurusan UC TATI dan
 - v. Menggalakkan kerjasama di antara UC TATI dengan badan Berkanun/Syarikat/Universiti di mana calon itu bertugas.

1.3 SYARAT PELANTIKAN

Penasihat Luar yang dilantik hendaklah :-

- a) Mempunyai kepakaran dalam bidang pengajian berkaitan serta mempunyai pengalaman yang luas dalam industri (tidak semestinya mempunyai gelaran Profesor);
- b) Berkebolehan dan terkemuka serta diperakui taraf akademiknya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
- c) Boleh dilantik daripada bekas tenaga pengajar atau alumni UC TATI.

1.4 TEMPOH DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN

- a) Tempoh pelantikan ialah selama dua (2) tahun.
- b) Pihak UC TATI boleh menamatkan perkhidmatan Penasihat Luar pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang sebab.

1.5 ELAUN DAN KEMUDAHAN

Kadar bayaran elaun dan kemudahan adalah berdasarkan Lampiran 1.